

Ar-Rahnu: Pembiayaan Mikro Kredit yang Patuh Shariah



Oleh Amira Hakimah Binti Halimi
Pensyarah Jabatan Pengurusan Citra Islami
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur
amirahakimah@kpbkl.edu.my

Ar-Rahnu adalah salah satu instrumen kewangan yang digunakan bagi pembiayaan mikro kredit. Pembiayaan mikro kredit merupakan satu produk yang diperlukan terutama mereka yang memerlukan pinjaman kecil, segera serta mudah. Bagi struktur Rahnu, peminjam cuma perlu membawa emas untuk dipajakkan sebagai jaminan kepada pinjaman dimana emas tersebut akan ditimbang dan dikira untuk mendapat sejumlah pinjaman dari pembiaya.

Pembiayaan yang menggunakan instrumen Rahnu ini adalah selamat terutama bagi pihak pembiaya (pemberi pinjaman) dimana pinjaman yang dikeluarkan itu dijamin dengan emas yang dipajakkan oleh peminjam. Erti kata lain, kurang risiko yang perlu ditanggung oleh pihak pembiaya jika peminjam tidak dapat membayar semula pinjaman tersebut. Bagi pihak peminjam pula, kurang risiko bagi mereka untuk berdepan dengan saman atau bankrap jika gagal untuk membayar semula. Namun begitu, peminjam perlu faham bahawa jika mereka tidak membayar semula pinjaman tersebut, emas yang telah dipajakkan itu akan dilelongkan kepada pihak ketiga untuk menampung semula pinjaman yang tidak dapat dibayar itu.

Pada tahun 2019, melalui pembiayaan mikro kredit dengan instrumen Rahnu, YaPIEM telah menunjukkan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM1.4 bilion seperti yang dikatakan oleh Pengerusi Lembaga Pemegang

Amanah YaPEIM, Datuk Dr Mohd Daud Bakar setelah membentangkan Laporan Pencapaian 2019 dan Hala Tuju Strategik Utama YaPEIM 2020. Ini menunjukkan bahawa instrumen Rahn untuk pembiayaan mikro kredit masih relevan dan amat diperlukan dalam pasaran kewangan Islam.

Namun terdapat isu yang dapat dikesan dalam pembiayaan Rahn iaitu ketidak-patuhan kepada keperluan Shariah seperti yang telah diputuskan dalam Mesyuarat ke-194 (25 Jun 2019) dan ke-195 (31 Julai 2019) Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia. Ini adalah kerana struktur produk sebelum ini menimbulkan isu *qard jarra naf'an* iaitu pinjaman yang menjana manfaat kepada pembiaya. Ia dapat dilihat terutama dalam bayaran upah simpanan emas yang dipajakkan yang disyaratkan bersama dengan pinjaman selain menjana keuntungan dari pembiayaan tersebut. Ini bercanggah dengan prinsip asas Shariah bahawa Rahn adalah salah satu kontrak yang bersifat *tabaruu'at* atau kebajikan.

Namun begitu, pihak pembiaya boleh menetapkan upah simpanan emas tersebut dengan syarat bahawa caj yang dikenakan kepada peminjam hanyalah kos yang berkait langsung dengan penyimpanan emas tersebut. Pembiaya juga perlu berhati-hati dalam perkara ini kerana manfaat tambahan yang diambil daripada peminjam bertentangan dengan objektif asal kontrak rahn dan berkemungkinan boleh dikategorikan sebagai riba'. Keputusan pematuhan ini berkuatkuasa pada 1 Februari 2020 dimana semua Institusi Kewangan Islam (IKI) perlu patuh dan laksanakan seperti yang tertakluk juga dalam seksyen 28(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; Suatu institusi hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa matlamat dan pengendaliannya, perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitiinya adalah mematuhi Shariah.